

# Pusat boling : Jumlah pelanggan semakin meningkat



SUASANA di Golden Bowling di Airport Mall menyaksikan penggemar sukan boling sudah mula meningkat sejak pelan *de-escalation* tahap ketiga dilaksanakan.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 18 Julai. - Pelan *de-escalation* tahap ketiga bagi gim dan pusat kecergasan, fasiliti sukan tertutup (*indoor*), fasiliti sukan luar (*outdoor*) dan padang golf mula dilaksanakan pada 6 Julai lalu.

Begitu juga bagi pusat-pusat boling yang mula dibuka mengikut pelan *de-escalation* tahap kedua, berpandukan syarat-syarat dan garis panduan yang ditetapkan

oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Kementerian Kesihatan.

Tinjauan Pelita Brunei ke Golden Bowling di Airport Mall baru-baru ini, menyaksikan penggemar sukan boling sudah mula meningkat sejak pelan *de-escalation* tahap ketiga dilaksanakan.

Dalam temu bual bersama Penyalia Golden Bowling, Awang Abu Khaledi Asya'arri bin Abu

Bakar menjelaskan, sebelum penularan jangkitan wabak COVID-19, pusat boling tersebut menerima lebih 100 pelanggan setiap hari, namun ia berkurangan semasa wabak tersebut mula dikesan di negara ini.

Tambahnya, setelah pengumuman mengenai pengurangan penjarakan sosial, pendapatan dan pelanggan yang datang ke pusat boling berkenaan juga semakin meningkat.

Menyentuh mengenai penyelenggaraan yang dijalankan semasa pusat boling ditutup selama tiga bulan lebih, Awang

Abu Khaledi Asya'arri menjelaskan, penyelenggaraan pusat tersebut dilakukan setiap Jumaat, termasuk menyelenggarakan mesin-mesin yang terdapat di pusat berkenaan.

"Setiap hari sebelum dibuka, kakitangan pusat boling ini akan memastikan semua peralatan yang ada di sini disanitasi terlebih dahulu, termasuk mensanitasi bola boling, kasut, pin-pin boling, kerusi, meja dan sebagainya. Pelanggan juga boleh menggunakan bola boling dan kasut yang disediakan di pusat boling ini, di mana kasut-kasut tersebut juga akan disanitasi setelah digunakan," tambahnya lagi.

Mengenai tempahan ke pusat tersebut pula jelasnya, para pelanggan perlu membuat tempahan terlebih dahulu semasa hujung minggu dan hanya perlu *walk-in* pada hari-hari biasa.

Para pelanggan, ujarinya, juga hendaklah mengimbas Kod QR pusat boling sebaik sahaja tiba dan selesai bermain bagi tujuan pengesanan kontak jika diperlukan.

Di bawah garis panduan pelan *de-escalation* tahap ketiga, penggunaan pusat boling ditingkatkan kepada dua pemain bagi satu lorong dalam satu masa dan ditingkatkan kepada maksima dua jam seorang setiap



**PENYALIA Golden Bowling, Awang Abu Khaledi Asya'arri bin Abu Bakar semasa ditemu bual.**

hari.

Kafeteria, restoran atau kantin juga dibenarkan untuk beroperasi pada kadar kapasiti 90 peratus dalam satu masa mengikut ruang kapasiti restoran dan kafeteria berkenaan, termasuk kemudahan *locker room*.

Bagi memastikan wabak COVID-19 tidak akan terus menular, para pelanggan juga hendaklah sentiasa menjaga jarak sekurang-kurangnya dua meter, menjaga kebersihan diri sepanjang masa, memakai pakaian yang bersesuaian untuk melindungi kulit, jangan menyentuh muka, mata, dan mulut tanpa membersihkan tangan juga hendaklah meninggalkan pusat boling dengan segera setelah selesai bermain.

# Muhammad Muize jana pendapatan sebagai *runner*



PROSES sanitasi juga tersedia bagi pelanggan yang memesan untuk perkhidmatan pengambilan barang yang datang dari negara jiran (atas). Sementara gambar kanan, salah seorang pekerja *runner* menyusun barang-barang pelanggan.

**MERAGANG**, Sabtu, 18 Julai. - Apa sahaja untuk memenuhi kehendak pelanggan yang tidak menyalahi undang-undang dan mampu dilakukan tentu akan dilaksanakannya secepat mungkin.

Inilah pendirian mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Muhammad Muize bin Haji Kassim, 26 tahun, dari Perpindahan Kampung Meragang, yang kini berjinak-jinak sebagai *runner* atau penghantar barang.

Antara tugas yang diberikan ialah menghantar dan mengambil barang-barang di keempat-empat daerah mengikut bayaran yang

ditetapkan.

Semasa Pelita Brunei menemui Awang Muhammad Muize baru-baru ini, beliau menjelaskan bahawa beliau sudah menjadi *runner* selama setahun dan mengikuti beberapa platform *runner* di negara ini, iaitu GoMamam dan Brunei Delivery Service. Namun, ada sesetengah pelanggan akan menghubunginya secara peribadi bagi penghantaran barang-barang peribadi.

Walaupun rasa penat menjadi seorang *runner*, tetapi dirinya berasa begitu puas kerana dapat membantu masyarakat, terutamanya semasa negara mengalami wabak COVID-19

kerana mengambil saranan daripada Kementerian Kesihatan.

"Pembayaran mengikut kawasan dari tempat *pickup* hingga penghantaran, iaitu minimum BND3 ke BND5 bagi kawasan Daerah Brunei dan Muara, BND5 ke BND8 bagi kawasan Daerah Temburong, BND6 ke BND10 bagi kawasan Daerah Tutong dan BND10 ke BND20 bagi kawasan Daerah Belait," jelasnya.

Dari segi bayaran jelasnya, begitu memuaskan sekali dan ia perlu berusaha dengan gigih dan bersemangat kerana semenjak beliau menjadi *runner*, kini beliau sudah mempunyai pelanggan tetap, iaitu bagi



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

GoMamam, beliau dapat 16 penghantaran dan bagi Brunei Delivery Service pula, sebanyak lapan penghantaran.

Bagi pendapat beliau, menjadi seorang *runner* perlu banyak mengetahui selok-belok jalan raya di negara ini dan dapat mengatur masa dengan baik.

"Manakala keburukan yang dihadapi oleh *runner* ialah kereta harus sentiasa diperiksa dan perlu dijaga rapi dan adalah lebih baik menggunakan kereta baharu, sementara kereta lama adalah terdedah

kepada risiko kemalangan. Dari segi pendapatan pula, setiap bulan saya akan menerima sebanyak BND500 ke BND600, dan jika lebih rajin lagi, keuntungan boleh mencacah BND700 hingga BND1,000," ujarinya.

Bagi para belia di luar sana, kita perlu ada pendirian tetap dan jangan malu untuk bekerja, apa yang penting ialah kita perlu belajar untuk meneruskan kehidupan harian dan perlu meningkatkan tahap kemahiran diri sendiri.